



Headline: Peniaga rugi RM23,700 akibat ditipu
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 17 February 2019

Language: Malay
Section: Tengah
Page: 17

Peniaga rugi RM23,700 akibat ditipu

KUANTAN- Hasrat seorang peniaga online membuat pinjaman untuk menyelesaikan masalah kewangan bukan sahaja tidak kesampaian, malah dia kerugian RM23,700.

Semuanya gara-gara diperdaya anggota sindiket pinjaman wang yang tidak wujud akhir bulan lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, kejadian berlaku 17 Januari lalu, apabila mangsa dihubungi seorang lelaki bernama Branden menawarkan pinjaman wang.

"Mangsa bersetuju membuat pinjaman RM3,000 dan telah diminta membuat pembayaran memproses permohonan.

"Mangsa membuat pindahan wang sebanyak lapan kali ke dalam akaun yang diberikan suspek dengan jumlah keseluruhan RM23,700," katanya, semalam.

Namun, sehingga kini mangsa masih belum menerima wang pinjaman berkenaan dan suspek gagal dihubungi.

"Mangsa kemudian membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan, kelmarin," katanya.

Dalam kes berasingan, seorang guru tabika berusia 32 tahun pula kerugian RM10,300 selepas dikatakan mempunyai



MOHD WAZIR

tunggakan pinjaman wang.

Mohd Wazir berkata, kejadian bermula selepas mangsa menerima panggilan kononnya dari sebuah bank mendakwa dia mempunyai tunggakan bayaran pinjaman.

Katanya, mangsa mulanya menafikan perkara itu sebelum talian disambung ke Balai Polis Seri Kembangan untuk membuat laporan.

"Mangsa kemudian bercakap dengan seorang suspek yang memperkenalkan diri sebagai Sarjan Adam.

"Hasil semakan Sarjan Adam mendapati mangsa turut terbabit dengan pengubahan wang haram dan sekiranya kes itu mahu ditutup, mangsa perlu membuat bayaran sebanyak RM10,300," katanya.

Beliau berkata, mangsa yang bimbang dikenakan tindakan kemudian membuat pindahan wang sebanyak lima kali ke dalam satu akaun yang diberikan suspek.

"Bagaimanapun, selepas membuat pindahan, mangsa menyedari sudah ditipu sebelum membuat laporan polis di IPD Kuantan, kelmarin," katanya.

Beliau berkata, polis sudah merakam percakapan kedua-dua mangsa dan suspek kini sedang dikenalpasti.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.